

Pesilat bersiap

WALAU PUN Sukan SEA '89 di Kuala Lumpur masih jauh, Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) sudahpun memulakan persiapan rapi bagi memenuhi matlamat mengutip sekurang-kurangnya lima pingat emas di temasya sukan dua tahun sekali itu.

Untuk tahun ini sahaja, empat peringkat latihan disusun bermula 10 Jun lalu di Kompleks Sukan Kampung Pandan. Ia memabitkan 30 pesilat lelaki dan perempuan daripada beberapa perguruan.

Latihan selama 12 hari itu dikelola oleh tiga jurulatih diketuai oleh Sani Morni dengan dibantu oleh Johari Ibrahim dan Mohd Noor Mahmud.

24 JUN 1988
Malaysia memenangi dua pingat emas di Jakarta tahun lalu menerusi Ahmad Khusairi Ibrahim dan Ahmad Rafie Yaacob dan empat pingat emas di Kejuaraan Silat Sedunia di Kuala Lumpur, juga tahun lalu.

Latihan peringkat awal ditumpukan kepada soal kecergasan dan teknik melawan. **B. Hanan (M)**

"Perkara ini terpaksa kami tekankan kerana ia menjadi antara punca utama kegagalan kita di Sukan SEA lalu di Jakarta dan Kejuaraan Silat Sedunia," kata pengurus pasukan, Haji Shafie Abdul Rahman.

"Untuk peringkat kedua Ogos ini, kami akan mengadakan latihan ala tentera bertujuan memupuk kecergasan fizikal dan mental. Ia mungkin diadakan di Terengganu Ogos ini dengan kerjasama Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) Kem Batu Buruk.

"Manakala bentuk latihan berikut bergantung kepada keputusan daripada dua latihan ini," tambah beliau.

Kesungguhan Pesaka dalam meningkatkan prestasi pesilat negara ini patut dipuji kerana ia mempunyai beberapa tujuan tertentu.

Antaranya mencontohi persiapan Indonesia yang memenangi kebanyakan pingat emas acara ini di Sukan SEA Jakarta tahun lalu.

Indonesia melakukannya dengan mengadakan persiapan awal, sedangkan persiapan pesilat negara ketika itu cuma beberapa bulan sahaja. Berikutan itu kita gagal menandingi mereka, bukan di segi teknik dan taktik persilatan, tetapi kecergasan.

Menurut Haji Shafie, berdasarkan kepada persembahan di Sukan SEA Jakarta, pesilat negara sebenarnya mempunyai kekuatan dan kehandalan seimbang dengan pesilat Indoensia.

"Dalam hal ini, saya percaya, program latihan peringkat awal ini, boleh menyelesaikan masalah

sedia...

Kesungguhan Pesaka dalam meningkatkan prestasi pesilat negara ini patut dipuji kerana ia mempunyai beberapa tujuan, seperti mencontohi persiapan Indonesia

TENDANGAN MAUT...

Pemenang pingat perak Silat Sedunia, Normala Yaacob, semakin menunjukkan kematangan.

Oleh
MOHD RAHIME YUSOFF

Gambar F K THAM



GAYA TENDANGAN JEBAT... Ahmad Wardi Salim dari Melaka bersedia merangkul pingat emas Sukan SEA Kuala Lumpur '89 setelah menjuarai Silat Sedunia.



NAH RASAKAN...Wan Azimah Ahmad melepaskan tendangan ke perut Siti Azaharian Hussin ketika menjalani latihan pusat di Kompleks Sukan Kampung Pandan.



DUHHH...Rozaidi Abdul Rahman gagal mengelakkan tendangan daripada pemenang pingat emas Kejuaraan Silat Sedunia, Ahmad Fauzi Othman dalam satu sesi latihan.

kecerdasan," kata beliau.

Haji Hafie bagaimanapun tidak bimbang dengan keupayaan pesilat lelaki.

"Yang saya bimbang ialah persembahan pesilat wanita. Mereka kelihatan masih lemah dan tidak konsisten," katanya.

Bagaimanapun, antara pesilat wanita yang disenaraikan, mungkin Normala Yaacob dan Masliza Abu Bakar mempunyai sedikit kelebihan.

Ini berdasarkan persembahan mereka yang mengagumkan sewaktu memenangi pingat perak di Kejuaraan Sedunia lalu, walaupun ketika itu, mereka baru kali pertama mewakili negara dan menyertai kejohanan peringkat antarabangsa.

Dalam bahagian lelaki, Malaysia

masih boleh bergantung harap kepada beberapa pesilat handalan seperti Wan Aminuddin Baki, Ahmad Wardi, Ahmad Khusairi, Awang Ngah Mohamad, Razak Ismail, Fauzi Othman dan Rashid Che Omar untuk mendapatkan pingat emas di Sukan SEA tahun depan.

Bagaimanapun, penentuan awal terhadap keupayaan mereka banyak bergantung kepada persembahan di Kejohanan Kebangsaan di Port Dickson pada 27 Julai hingga 2 Ogos ini.

Di kejohanan ini, selain 30 pesilat yang mengikuti latihan pusat itu, beberapa jaguh negeri akan turut serta.

24 JUN 1988